



NURUL FIKRAH BINTI AZIZ

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP), Universiti Sains Malaysia

No Matrik: 141428

Email: nurulfikrah091@gmail.com

No Telefon: 01129436977

Nurul Fikrah Binti Aziz mendapat pendidikan di Sekolah Kebangsaan Seri Payung, Besut, Terengganu, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Kuantan, Pahang, Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), Besut, Terengganu, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Nering, Besut, Terengganu dan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang. Nurul Fikrah gemar memasak dan membaca jurnal secara atas talian. Selain itu, Nurul Fikrah merupakan peminat rancangan Melayu klasik seperti Filem Hang Tuah, Bidasari, Menanti Hari Esok, Laila Majnun dan banyak lagi filem-filem melayu klasik yang diminati. Nurul Fikrah juga menggunakan nama yang sama di laman Facebook untuk memudahkan urusan dan lebih dikenali dengan nama tersebut dalam kalangan rakan-rakan dan tenaga pengajar.

Kata kunci: lanskap linguistik, Fenomena Kesopanan (Kata makian atau *negative politeness* (Holmes, 2013)

FENOMENA KESANTUNAN BAHASA; KATA MAKIAN DALAM BERITA HARIAN ONLINE

NURUL FIKRAH BINTI AZIZ

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah bermula kembali. Aku tidak boleh ke perpustakaan untuk mencari bahan bacaan yang aku gemari. Jadi, aku terpaksa menggunakan bahan-bahan bacaan dari internet. Sambil aku *scroll* berita-berita online, aku melihat satu berita yang sangat menarik perhatian aku iaitu, '2 Ahli Parlimen BN Bertekak, Hampir Bertumbuk di Lobi Parlimen' (Ahmad Suhael Adnan). Hati aku digeletek dengan rasa kelakar tentang isu ini. Terasa muak dengan dunia politik yang tidak berpenghujung. Tiba-tiba aku teringat dengan Fenomena Kesopanan (Kata makian atau *negative politeness*) yang aku belajar. Aku membaca kandungan berita ini dan aku sedar berita ini ada kaitan dengan Landskap Linguistik.

Aku rasa aku perlu membaca kembali Buku Holmes (2013) supaya aku dapat memahami perkaitan tajuk berita ini dengan Fenomena Kesopanan. Akhirnya aku menemui kenyataan Holmes tentang Kata Makian di beberapa halaman. Bagi aku ia sudah mencukupi. Mungkin aku boleh menulis tentang fenomena kata makian berdasarkan berita yang aku baca tadi.

Aku rasa bersemangat pula untuk menulis tentang fenomena ini. Apabila aku membelek-belek jurnal-jurnal, aku dapat rasakan fenomena ini sangat terkenal kerana ia banyak dibincangkan.

Oleh itu, aku mula mencari bahan-bahan ilmiah lain sebagai bahan sokongan untuk topik ini. Selepas aku rasakan bahan ilmiah yang aku cari sudah mencukupi, aku membaca kembali berita tadi untuk mendapatkan data tentang penggunaan kata makian.

Kenapa ada kata makian antara 2 ahli palimen ini? Nanti aku ceritakan dengan lebih lanjut ye.

Aku mendapati bahawa dua Ahli Parlimen Barisan Nasional, Datuk Seri Tajuddin dan Datuk Seri Dr Ismail bertekak sambil menghamburkan kata-kata makian. Berita ini juga menyebut bahawa Ismail yang juga Ahli Parlimen Kuala Krai dan Tajuddin mewakili Parlimen Pasir Salak, secara tiba-tiba bertikam lidah, sebelum saling menghamburkan kata-kata makian 'bodoh', 'bangang' dan '*stupid*' antara satu sama lain.

Kata 'bodoh', 'bangang' dan '*stupid*' inilah yang dipanggil sebagai kata makian. Tetapi kenapa penggunaan kata-kata kesat ini terjadi?

Menurut Holmes (2013), Kata makian mempunyai pelbagai fungsi dalam konteks sosial yang berbeza. Mereka mungkin meluahkan kegusaran dengan kata makian, melepaskan kemarahan dan penghinaan. Kenyataan dalam Buku Homes (2013) juga telah mendapat sokongan dari Culpeper (2011). Beliau mentakrifkan ketidaksantunan sebagai sikap negatif yang berlaku dalam konteks tertentu. Ekoran, ketidaksantunan merupakan perilaku negatif, Culpeper (2008;36) menjelaskan secara terperinci bahawa ketidaksantunan adalah komunikasi yang berniat untuk menimbulkan pergaduhan.

Impoliteness comes about when (1) the speaker communicates face attack intentionally, or (2) the hearer perceives and/or constructs behavior as intentionally faceattacking, or a combination of (1) and (2).

(Culpeper, 2005; 38)

Berdasarkan penerangan Holmes dan Culpeper ini, dapatlah aku simpulkan yang situasi pergaduhan antara 2 ahli parlimen ini dianggap sebagai *negative politeness*. Perilaku saling mencabar antara 2 ahli parlimen kerana salah faham antara mereka sehingga hampir bertumbuk ini jelas menunjukkan fenomena *negative politeness*. Aku pun tak faham punca sebenar berlaku pergaduhan antara mereka. Bila ada wartawan yang tanya kepada mereka, mereka hanya menjawab acuh tak acuh je.

Apa-apa pun punca pergaduhan mereka bukanlah sesuatu yang menarik minat aku. Aku tidak mahu mengambil tahu permasalahan mereka. Baiklah ada baiknya aku melanjutkan penceritaan aku tentang penggunaan kata makian ‘bodoh’, ‘bangang’ dan ‘*stupid*’.

Menurut Teori Ketidaksantunan Bahasa Culpeper (2011), perkataan ‘bodoh’, ‘bangang’ dan ‘*stupid*’ ini tergolong sebagai kata penghinaan dalam konteks makian. Kalau diikutkan kata penghinaan mempunyai 4 bahagian iaitu *Vocatives* Negatif Peribadi, Kenyataan Negatif Peribadi, Rujukan Negatif Peribadi dan Rujukan Negatif Orang Ketiga Peribadi. Jadi, aku boleh katakan bahawa ‘bodoh’, ‘bangang’ dan ‘*stupid*’ ini merupakan *Vocatives* Negatif Peribadi yang diujarkan untuk menimbulkan kemarahan lawan tutur.

Sebenarnya kata makian ‘bodoh’, ‘bangang’ dan ‘*stupid*’ ini tidak semestinya diungkapkan untuk menimbulkan konflik je. Ada je kata-kata kesat macam ni diujarkan untuk diri sendiri.

Berdasarkan pengalaman diri sendiri, aku selalu je guna perkataan kesat macam tu sebab marah dengan tindakan diri sendiri. Contohnya, aku akan cakap dekat diri aku, “Bangang le. Benda senang pon takleh nak buat”.

Selain itu, aku pernah jugaklah marah kawan aku atas sebab tertentu dengan mengatakan, “Kau ni cuba jadi cerdik sikit. Jangan bongok ikut je apa yang orang suruh”. Penggunaan kata kesat ‘bongok’ itu sebenarnya tidak patut digunakan kerana kita masih mempunyai istilah-istilah lain walaupun kita dalam keadaan marah.

Dalam berita yang aku baca ni tidak sepatutnya penggunaan kata ‘bodoh’, ‘bangang’ dan ‘*stupid*’ keluar dari mulut Ahli Parlimen lebih-lebih lagi situasi tersebut berlaku di hadapan orang ramai. Namun, jika kita memandang kepada landskap linguistik, Fenomena kata makian sangat menarik untuk dikajiji dan dipelajari.

Rasanya dah panjang lebar perkongsian aku yang tak seberapa dalam anekdot ini tentang penggunaan kata makian berdasarkan berita, ‘2 Ahli Parlimen BN Bertekak, Hampir Bertumbuk di Lobi Parlimen’.

Tetapi sebelum aku berundur, sudi-sudikanlah untuk melihat dan membaca berita *online* ini. Dapatlah kita sama-sama melihat konteks penggunaan kata makian yang berlaku dalam berita ini.

https://www.bharian.com.my/bertita/Nasional/2019/11/530311/2-ahli-parlimen-bn-bertekak-hampir-bertumbuk-di-lobi-parlimen

2 Ahli Parlimen BN bertekak, hampir bertumbuk di lobi Parlimen

Oleh Ahmad Suhail Adnan - November 20, 2019 @ 2:40pm
ahmad.suhail@bh.com.my



2 Ahli Parlimen BN bertekak, hampir bertumbuk di lobi Parlimen

KUALA LUMPUR: Puluhan wakil media yang berada di lobi Parlimen terkejut apabila dua Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) bertekak di lobi Parlimen. Datuk Seri Tan Sri Abdul Rahaman dan Datuk Seri Dr Ismail...

THE ULTIMATE PLAY
GEFORCE RTX

ROG FOR THOSE WHO DARE

LEARN MORE

TERKINI

- 4m OLC, OLCI sumbang komputer riba, tablet percuma
- 5m Wangi IPD Seberang Perai Utara ziarah Koperai Azmi
- 20m Konflik pengambilalihan kuasa pergerakan harga saham FGV
- 34m Empat gelandangan positif COVID-19
- 27m Semoga usaha murni selama ini diberkati - Dr Adham
- 20m Perlu langkah lebih berkesan tangani COVID-19, elak PKP sepenuhnya - FMM
- 40m Artis veteran tenas terbeza

TUGASAN CO3 DR ... ANDKDOT 313_MUR... 2 Ahli Parlimen BN ...

3:55 PM 25/11/2019

Gambar 1: 2 Ahli Parlimen BN Bertekak, Hampir Bertumbuk di Lobi Parlimen’.

Jumlah Perkataan: 762

Rujukan:

Holmes, Janet. (2013). *Introduction to Sociolinguistics*, Fourth Edition. London & New York: Routledge

Data:

Berita Harian *Online*. (2019). 2 Ahli Parlimen BN Bertekak, Hampir Bertumbuk di Lobi Parlimen, 20 November 2019. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/11/630311/2-ahli-parlimen-bn-bertekak-hampir-bertumbuk-di-lobi-parlimen>. Diakses pada 18 Januari 2021, 2.19 pm.

RUBRIK PEMARKAHAN

BIL	KRITERIA PENILAIAN	PEMBERAT DARIPADA 100% MARKAH	LEMAH	SEDERHANA	BAIK	CEMERLANG	MARKAH MAKSIMUM
1	Tajuk menarik dan relevan dengan arahan dan hasil pembelajaran	5	Sudahlah terlalu umum; tidak menarik pula.	Menarik, tetapi terlampau umum.	Menarik dan spesifik.	Menarik, spesifik, unik, dan memberi gambaran hasil projek yang impresif	5
2	Data mencukupi dan relevan dengan arahan dan hasil pembelajaran	10	Tidak mencukupi.	Cukup tetapi mempunyai masalah dalam kesahihan data yang dikutip.	Cukup dan kesahihan data tidak boleh dipertikai.	Cukup, data yang sahih, relevan dan saling berhubungkait.	10
3	Organisasi teks	10	Tidak teratur.	Organisasi pembahagian idea, analisis, dan pembukaan-penutup kurang teratur dan kurang koheren.	Organisasi pembahagian idea, analisis, dan pembukaan-penutup teratur dan koheren.	Organisasi pembahagian idea, analisis, dan pembukaan-penutup tersangat teratur dan tersangat koheren.	10
4	Keilmiahan tahap analisis atau interpretasi data dengan menggunakan kerangka dari Holmes (2013)	20	Tiada analisis; hanya berbentuk deskriptif, serta tidak bersesuaian dengan kerangka Holmes (2013)	Analisis yang agak cetek serta agak bersesuaian dengan kerangka Holmes (2013)	Analisis yang sesuai dan mencukupi serta bersesuaian dengan kerangka Holmes (2013).	Analisis yang mendalam dengan penghujahan yang canggih dan seimbang serta sangat bersesuaian dengan kerangka Holmes (2013)	20
5	Daya tarikan persembahan	30	Langsung tiada daya tarikan!	Menarik tetapi organisasi bahan tidak kemas dan tidak teratur	Cukup menarik perhatian dengan organisasi bahan kemas dan teratur	Daya tarikan yang tinggi dengan organisasi bahan secara tersangat kemas dan tersangat teratur. Rasa hendak suruh menulis anekdot lain pula.	30
6	Format rujukan mengikut IPA	5	Tiada langsung sitasi.	Ada sitasi tetapi tidak lengkap; Beberapa sumber tiada sitasi.	Format sitasi dan rujukan yang baik, tetapi bilangan sumber kecil.	Format sitasi (<> <i>in-text citation</i>) dan rujukan yang tersangat Baik, konsisten serta ada bilangan sumber yang cukup dan sesuai.	5
7	Ketepatan ejaan dan struktur ayat serta perenggan mengikut nahu preskriptif bahasa Melayu	20	5 dan lebih kesalahan ejaan dan struktur	3 hingga 4 kesalahan ejaan dan struktur	1 hingga 2 kesalahan ejaan dan struktur	Tiada kesilapan ejaan dan struktur langsung	20
JUMLAH		100					100

Markah akan ditukar ke bentuk 10% oleh pengajar.